

21 NOV 1996
Mahathir-Peru
MALAYSIA SOKONG PERU SERTAI APEC

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyokong kemasukan Peru sebagai negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Pemangku Menteri Luar Datuk Annuar Musa berkata Dr Mahathir memaklumkan perkara itu kepada Presiden Peru Alberto Fujimori dalam satu perjumpaan di pejabatnya di sini hari ini.

Malaysia berpendirian bahawa Apec tidak sepatutnya menjadi kelab eksklusif dan semua negara di rantau Asia Pasifik berhak menjadi negara anggota tanpa mengira kedudukan ekonomi mereka, kata Annuar.

Sebelum ini Malaysia menyatakan sokongan terhadap Vietnam untuk menganggotai kerjasama itu.

Annuar berkata Dr Mahathir dan Fujimori juga sependapat bahawa perkara yang tidak berkaitan dengan ekonomi seperti buruh, hak asasi manusia dan alam sekitar tidak harus dijadikan isu yang boleh mempengaruhi keputusan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang akan berlangsung di Singapura bulan depan.

Annuar berkata, perbincangan dua hala itu juga menyentuh kerjasama dalam bidang perhutanan, pertanian, pembangunan, perdagangan dan pelancongan.

Peru berminat mencontohi kegiatan pembalakan mapan yang dijalankan di negara ini dan mempelawa pelabur Malaysia memperkenalkan kegiatan itu di sana, katanya.

Menurutnya, Fujimori juga berharap dapat menjadikan Malaysia sebagai model bagi kegiatan pembalakan terpilih dan menggantikan hutan dengan tanaman kelapa sawit dan getah.

Kedua-dua pemimpin juga berbincang mengenai ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara tetapi tidak menganggapnya sebagai satu masalah kerana mereka percaya ia boleh dipertingkatkan secara beransur-ansur, katanya.

Jumlah perdagangan Malaysia-Peru pada 1995 ialah RM256.1 juta dengan Malaysia mengimport barangan bernilai RM224.4 juta dan mengesport RM31.7 juta.

Malaysia juga akan mengkaji kemungkinan mendapatkan hak pendaratan di Lima, ibu negara Peru bagi Penerbangan Malaysia yang kini melalui Kuala Lumpur-Johannesburg-Buenos Aires, katanya.

Fujimori yang dalam rangka lawatan negara tiga hari ke sini sejak semalam, turut menyaksikan majlis tandatangan perjanjian persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Suruhanjaya Bagi Penggalakan Eksport Peru (PROMPEX) bagi menggalakkan kerjasama dalam promosi perdagangan.

Dr Mahathir turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting dan Menteri Pendidikan Peru Domingo Palermo. -- BERNAMA

RAZ JM NMO